

09 OCT 1998

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA FIJI

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Fiji, Ratu Sir Kamisese Kapawai Tuimacilai Mara sempena Hari Kemerdekaan Fiji hari ini.

Tuanku Ja'afar berharap semoga hubungan, persahabatan dan kerjasama yang lama terjalin antara kedua-dua negara dapat diperkukuhkan lagi, menurut kenyataan Kementerian Luar.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya dari Fiji dengan melahirkan keyakinan bahawa hubungan rapat antara kedua-dua negara akan terus kukuh pada tahun-tahun akan datang.

Dr Mahathir berkata Malaysia menghargai persahabatannya dengan Fiji dan lawatan Rabuka ke Malaysia baru-baru ini telah meningkatkan hubungan dua hala.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula menghantar perutusan kepada Menteri Hal Ehwal Luar dan Perdagangan Luar Fiji Berenado Vunibobo, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA
NHD FAZ